

NO SOALAN :352**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA****DARIPADA : Y.B. TUAN SU KEONG SIONG
(IPOH TIMUR)****PERTANYAAN : BERTULIS**

Y.B. TUAN SU KEONG SIONG [IPOH TIMUR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci jumlah peruntukan wang yang telah dibayar kepada Kerajaan Tempatan di negeri Perak untuk penyelenggaraan jalan raya di bawah Sistem Maklumat Rekod-Rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS). Nyatakan maklumat mengikut susunan Majlis Daerah, Perbandaran dan Bandaraya.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan menyalurkan peruntukan Pemberian MARRIS kepada negeri berdasarkan Perkara 109(1)(b) Perlembagaan Persekutuan. Skop penyelenggaraan jalan raya negeri adalah tertakluk kepada Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian MARRIS yang berkuatkuasa.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, pada tahun 2016 jumlah Pemberian MARRIS telah disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Perak adalah sebanyak RM458.3 juta.

Pengagihan peruntukan MARRIS di peringkat negeri kepada Kerajaan Tempatan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Oleh itu, Yang Berhormat bolehlah merujuk perkara tersebut kepada pihak berkuasa negeri.